

Jangan ambil kesempatan, sensasi isu kuil, Abang belon

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa masyarakat tidak mensensasikan perkara-perkara kecil termasuk pemindahan kuil di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur dan 'abang belon' demi kepentingan puak mereka.

Mengambil contoh isu perpindahan Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman di Jalan Masjid India, dan kisah 'abang belon' dikasari penguat kuasa, Perdana Menteri berkata, puak-puak berkenaan sengaja mempergunakan isu tersebut seolah-olah berlaku perang besar demi kepentingan politik mereka.

"Sebab itu saya ingin mengesyorkan jangan berikan ruang kepada mereka ini tidak fikir kepentingan umum.

"Semuanya mahu dipolitikkan, semuanya mesti dengan cara menghukum, semuanya kafir dan munafik semuanya jahat belaka. Tak boleh begitu," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Buianan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini, semalam.

Beliau berkata, memang benar negara ini asas tonggakunya



ANWAR Ibrahim berbual bersama Timbalan Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (kiri) dan Datuk Seri Fadillah Yusof seiepas Perhimpunan Buianan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya. semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

adalah Melayu dan dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan dengan kedudukan kerajaan serta majlis raja-raja.

Namun katanya, ia tidak bermakna golongan minoriti lain mesti terus dihina kerana ia tidak pernah menjadi asas dalam ajaran agama.

"Kita mahu angkat martabat orang Melayu ini dengan kekuatan, kesungguhan kerja,

amal ikhlas, keperibadian atau sahsiah kita, bukannya untuk meremehkan orang lain.

"Apabila kita beri kuasa, kita sakau, kita malas, bila kita jadi ketua jabatan, kita remeh, tapi kita sibuk pasal kelemahan orang lain. Mana mungkin satu kejayaan dicapai kalau kita tidak bina kekuatan kita sendiri," katanya.

Pada masa sama, Anwar

mengakui bukan mudah untuk menyelesaikan isu perpindahan kuil itu dan pembinaan Masjid Madani kerana keputusan yang dibuat adalah berdasarkan prinsip-prinsip dengan mengambil jalan perdamaian.

Katanya, langkah itu adalah demi menunjukkan kekuatan Islam untuk menghormati orang lain kerana negara ini ada pelbagai kaum dan agama.

"Kita sudah cuba selesaikan masalah kuil, ia tak mudah, betul (orang kata) Jakel kena beli, Hindu ini bagi percuma, (namun keputusan itu) bukan semudah seperti yang dikatakan.

"Kita nak dirikan masjid, tak boleh kompromi itu bagi saya matlamat terbesar, kedua jalan dengan damai dan aman dan tunjukkan kekuatan Islam beri hormat kepada orang ini kerana negara ini pelbagai kaum pelbagai agama.

"Islam agama Persekutuan. Kekuatan Islam tidak dipertikai dan saya tidak tolak ansur. Ramai kawan-kawan yang nasihat saya, tanggunglah jangan panggil Masjid Madani, nanti timbul marah, nanti undi tak dapalt. itu bimbang juga, tetapi keputusan kita mestilah berdasarkan prinsip-prinsip," katanya.